

19 AUG 2003

Mahathir-Islam

MELAKAR LALUAN KEARAH PERPADUAN UMMAH

Oleh: Mokhtar Hussain

DAMSYIK, 19 Ogos (Bernama) -- Lawatan dua hari Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Syria mungkin agak singkat, namun ia amat penting, bukan sahaja untuk mengukuhkan hubungan antara dua negara Muslim, tapi juga untuk membina laluan kearah membangkitkan semula kegemilangan Islam.

Lawatan itu boleh dianggap sebagai satu kejayaan besar dari segi meningkatkan hubungan berdasarkan termeterainya 12 perjanjian dan Memorandum Persefahaman (MoU) antara kedua-dua kerajaan sektor swastanya.

Bagaimanapun, acara yang lebih menarik dalam lawatan itu adalah tiga sesi dialog yang diadakan antara Perdana Menteri, iaitu dengan ahli perniagaan, ulama Islam dan kumpulan pemikir kerajaan Syria.

Pada satu majlis makan tengah hari dengan kira-kira 200 ulama Islam di Damsyik, Dr Mahathir telah bercakap mengenai kepentingan Muslim hari ini untuk memperolehi ilmu pengetahuan dalam usaha mengembalikan kegemilangan Islam.

"Ada sesetengah kita beranggapan bahawa kita tidak perlu mendapatkan pengetahuan moden, yang ia adalah pengetahuan sekular, yang kita hanya perlu belajar agama dan ketuhanan, yang ilmu pengetahuan itu tidak akan membawa apa-apa keuntungan,

"Hasilnya, Muslim ketinggalan dari segi intelektual dan tidak berupaya menyaingi pengkritik dan musuh islam," katanya.

Beliau berkata Muslim mula menjadi lemah pada awal abad yang lalu selepas kejatuhan Empayar Ottoman yang membahagikan ia kepada banyak negara.

"Negara-negara ini tidak bersatu, sebaliknya mereka ditekan dan di manipulasi oleh kuasa luar. Muslim menjadi semakin lemah dan bertambah jahil," katanya semasa menjawab satu soalan oleh seorang dari ulama.

Beliau berkata Muslim lebih berminat kepada perbezaan kecil dalam mentafsir Islam.

"Hanya ada satu agama Islam, tapi kita terbahagi kepada mazhab yang berbeza, dan oleh kerana kita ada perbezaan kepercayaan, ada konflik antara kita dan konflik itu cuma melemahkan kita," katanya.

Dr Mahathir turut memberitahu sesi itu bahawa Muslim di Malaysia juga sudah terkeliru ekoran dakwaan pemimpin parti pembangkang bahawa tuhan adalah samseng dan mencarut.

"Saya cuba rujuk dalam Al-Quran sekiranya ada perkataan-perkataan mencarut, tak ada. Jadi apabila ulama Islam lebih berminat dalam politik, anda sudah pasti mendapat tafsiran yang salah mengenai Islam. Ia mengelirukan ummah Muslim: yang masa satu yang betul?" katanya.

Dr Mahathir telah diberikan sambutan hebat oleh kerajaan Syria semasa lawatannya kerana kedudukannya sebagai pemimpin Muslim terkemuka dan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang berjaya, moden dan sederhana.

Dr Mahathir berkata pemahamannya mengenai Islam telah meningkat semasa beliau melawat Masjid Umayyad semasa di Damascus.

"Disebabkan masjid itu adalah rahsia tersendiri yang dikatakan tempat di mana kepala St John disimpan. Untuk mencari peninggalan Kristian dalam sebuah masjid, ia sudah pasti sesuatu yang agak ganjil,

"Sudah pasti ia mengejutkan bagi rakyat Malaysia, tapi nyata di sini bahawa mengikut ajaran islam, kita perlu menghormati agama-agama lain," katanya.

Perdana Menteri turut ditanya sekiranya beliau percaya adanya

konspirasi Yahudi dalam krisis Kewangan Asia.

Dr Mahathir semasa menjelaskan dengan panjang lebar mengenai perkara itu berkata terdapat 30 juta orang Yahudi yang ingin mengawal dunia, yang merupakan cita-cita Zionist dan bukannya disebabkan agama.

Beliau mendakwa Yahudi berharap untuk mencapainya dengan cara mengawal negara yang paling berkuasa di dunia, iaitu Amerika.

"Dengan mengawal media dan akhbar, mengawal wang melalui perbankan, mengawal Kongres sekarang, mereka menjadi berkuasa di Amerika," kata Dr Mahathir.

Berhubung keganasan, Perdana Menteri berkata adalah penting untuk memberikan definisi yang betul mengenai perlakuan itu kerana "kita tidak mahu pejuang pembebasan digelar penganas".

"Kerajaan Israel boleh mengelak daripada melakukan keganasan kerana mereka mempunyai pelbagai cara, mereka tidak perlu melakukan kegiatan-kegiatan ganas. Rakyat Palestin tiada kapal terbang, tiada kereta kebal, tidak ada apa-apa. Satu-satunya cara untuk mereka melawan balik adalah dengan melawan balik sebagaimana sekarang. Mereka mungkin lakukan serangan bom berani mati.

"Kita tidak boleh serang orang kerana kita marah dan kecewa. Tapi cuma untuk membunuh mereka yang tidak bersalah disebabkan oleh marah adalah tidak betul. Untuk membunuh orang, iaitu bukan orang yang menyerang kita, adalah salah. Kita perlu mengakui bahawa ia adalah salah," katanya.

Semasa sesi dialog dengan kumpulan pemikir yang terdiri daripada kalangan anggota-anggota parlimen, Menteri Kabinet dan ulama serta pemimpin sektor swasta, Perdana Menteri turut bercakap mengenai cara bagaimana negara-negara Muslim boleh disatukan.

"Ada kekuatan dalam perpaduan. Kalau kita bersatu padu, walaupun kita miskin, kita boleh menjadi kuat. 54 negara Muslim bercakap dalam satu suara boleh menempa lebih banyak kejayaan daripada sebuah negara Muslim yang kuat yang bersuara di mana-mana jua tempat," katanya.

Dr Mahathir mencadangkan supaya negara Muslim mula bersetuju dalam sekurang-kurangnya satu isu yang membabitkan masalah yang dialami oleh orang-orang Muslim di seluruh dunia.

"Pengerusi OIC (Pertubuhan Persidangan Islam) adalah milik negara tuan rumah, bukannya individu. Jadi selepas saya berundur, pengganti saya akan ambil alih. Dan dia juga sedia maklum dengan polisi yang kita rumuskan berhubung tugas yang perlu dimainkan negara-negara Islam. Yang pentingnya sudah pasti adalah perlunya ada perpaduan,

"Ambil sekurang-kurangnya satu isu yang kita boleh setuju. Saya rasa kita boleh bersetuju sekurang-kurangnya soal Palestin. Kita perlu beri sokongan penuh terhadap penderitaan rakyat Palestin, atau kita boleh dapatkan satu pandangan sama berhubung isu Iraq," katanya.

Beliau mengesa mereka supaya mengelak daripada bercakap mengenai perbezaan dalam sistem pentadbiran seperti monarki, republikan atau sosialis, dengan mengatakan bahawa ia adalah isu yang akan hanya memecahbelahkan.

Dalam sidang medianya, Dr Mahathir turut ditanya bagaimana beliau boleh menyumbang kearah kebaikan ummah apabila beliau berundur Oktober nanti.

Beliau berkata setiap Muslim sebagai anggota ummah perlu menyumbang walaupun "anda seorang pedagang kecil".

-- BERNAMA  
MOK MFJ AZH